KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	02.03.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	TNB			

Bitcoin: 18 diberkas, wang, aset RM6.84 juta disita

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 18 individu bagi membantu siasatan berhubung kes pemberian rasuah oleh sindiket bitcoin kepada pekerja Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menerusi Ops Power, baru-baru ini.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, SPRM sepatutnya menahan 23 individu namun lima daripadanya belum ditahan kerana mereka positif Covid-19.

Menurut beliau, kesemua tahanan lelaki berusia 30 hingga 60 tahun itu adalah warga tempatan dan salah seorang adalah dalang sindiket berkenaan.

"Siasatan mendapati, suspek-suspek dipercayai menawarkan rasuah antara RM3,000 hingga RM300,000 kepada pekerja TNB supaya tidak diambil tindakan atau membocorkan maklumat operasi.

"Kami turut merampas wang rasuah berjumlah RM2.37 juta membabitkan 998 premis melombong bitcoin selain wang tunai RM281,180 daripada semua suspek yang ditahan.

"Kami juga membekukan aset berjumlah RM4.47 juta membabitkan 97 individu, 29 syarikat dan 126 akaun bank selain menyita 1,157 mesin bitcoin bernilai RM2.34 juta. Aset dan wang disita semua bernilai RM6.84 juta.

"Sitaan turut membabitkan nilai e-Wallet berjumlah RM82,000 dan wang kripto bernilai USD 25,893.46 selain lima buah kereta mewah jenis BMW, Honda Accord, Toyota Vellfire, Ford Ranger dan Audi," katanya.

Azam memberitahu, tangkapan sama turut membabitkan seorang suspek yang disyaki menguasai 500 premis bitcoin yang beroperasi di sembilan buah negeri.

Kata beliau, pihaknya berjaya mengesan 998 premis melombong bitcoin di seluruh negara yang mencuri bekalan elektrik dengan cara menggunakan alat khas bagi mengurangkan jumlah penggunaannya.

Menurutnya, data TNB mendedahkan kecurian elektrik hasil daripada perlombongan bitcoin tersebut telah menyebabkan TNB kerugian sehingga RM2.3 bilion bagi tempoh 2018 hingga 2021.

Katanya, siasatan mendapati, sindiket berkenaan menggunakan modus operandi dengan berunding dengan pegawai TNB semasa operasi dijalankan.

Jelasnya lagi, pembayaran rasuah akan dilakukan dengan dua kaedah iaitu secara tunai dan wang kripto selain ia turut dibayar secara bulanan.